

Perdana Menteri/ selar akhbar burukkan DEB

KOTA BHARU, Ahad
— Perdana Menteri,
~~Datuk Seri Dr Ma-~~
hathir Mohamad, hari
ini menyelar akhbar-
akhbar asing yang
menggunakan Dasar
Ekonomi Baru (DEB)
sebagai bahan untuk
memecahbelahkan
masyarakat negara
ini, terutama Melayu,
dengan tujuan menja-
tuhkan kerajaan yang
dipegang oleh orang
Melayu.

Beliau berkata, baru-
baru ini akhbar-akhbar
itu memutarbelitkan
kenyataannya dengan
mendakwa bahawa be-
liau kononnya menga-
rahkan supaya DEB di-
ketepikan, tanpa
memberi sebarang pen-
jelasan sebenar.

"Inilah antara usaha
mereka dan setengah-se-

Oleh NORHAYATI
MD SAID

tengah negara yang di-
kuasai oleh Yahudi yang
mahu supaya kerajaan
sekarang jatuh, dengan
harapan isu itu boleh
menyebabkan orang Me-
layu tidak percaya terha-
dap pemerintahan seka-
rang," tegas beliau.

Golongan itu mendak-
wa DEB hanya memban-
tu beberapa orang Mela-
yu yang rapat dengan
kerajaan sahaja menjadi
kaya, tegasnya.

Laporan akhbar-
akhbar itu sudah menyeb-
abkan orang Melayu
sendiri mula mengkritik
dan menimbulkan masa-
lah kepada kerajaan un-
tuk terus melaksanakan
DEB," katanya.

Datuk Seri Dr Ma-
hathir berkata demikian
ketika merasmikan

mesyuarat agung kela-
pan Persatuan Pembo-
rong-Pemborong Binaan
Bumiputera Malaysia di
sini.

Perdana Menteri ba-
gaimanapun tidak
menyebut nama akhbar
asing itu dan juga negara
yang terbabit.

"Orang Melayu yang ti-
dak usul periksa kebenar-
an dan tujuan laporan
itu terus menghentam
kerajaan. Golongan pa-
ling kuat berbuat demik-
ian ialah pelajar-pela-
jar.

"Apabila orang Melayu
sendiri menghentam
DEB bermakna dasar itu
gagal. Ini sudah tentu
merugikan Bumiputera
sendiri," tegas beliau.

Laporan akhbar asing
itu tidak menjelaskan tu-
juan sebenar DEB, iaitu
untuk menyeimbangkan
kedudukan Bumiputera
dengan bukan Bumipute-
ra, selain merapatkan ju-
rang antara yang berada
dengan tidak berada.

Pembangunan Bumi-
putera pula bukan sahaja
melalui penyertaan ekui-
ti dalam syarikat yang
akan diberikan tetapi
juga untuk menyediakan
peluang pekerjaan dan
jawatan kepada mereka
dan pelbagai lagi.

Perdana Menteri ber-
kata, kerajaan terpaksa
berusaha bersungguh-
sungguh memperkem-
bangkan ekonomi negara
selain membantu Bumi-
putera, tidak hanya me-
nekan agar Bumipu-
tera mesti diberikan
ekuiti penyertaan dalam
sebuah svarikat.